

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	28 APRIL 2017

# Kerajaan sentiasa hemat berbelanja: PM

BH- 28/4/2017

➔ Pengurusan ekonomi, kewangan negara ikut kemampuan bukan boros sesuka hati

Oleh Zanariah Abd Mutalib  
zanariah\_mutalib@bh.com.my

► Putrajaya

**K**erajaan mengamalkan perbelanjaan secara berhemat, mengikut kemampuan dan tidak boros sesuka hati, sekali gus meletakkan Malaysia pada landasan ekonomi yang betul, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, dalam soal pengurusan ekonomi dan kewangan, kerajaan mempunyai pandangan jangka panjang dan segala tindakan termasuk pinjaman yang diambil, bertujuan untuk pelaburan yang produktif.

Beliau yang juga Menteri Kewangan, berkata kerajaan bukan seperti pembangkang yang tidak ber-

pandukan hakikat, sebaliknya apabila menjanjikan sesuatu adalah untuk meraih sokongan semata-mata.

“Kita sebagai kerajaan tidak boleh bersikap demikian. Apa kita buat, cakap dan keputusan kita mestilah berpijak di bumi nyata dan perlu bertanggungjawab.

## Buat keputusan tepat

“Apa juga keputusan, kita mesti pastikan ia tepat kerana jika salah membuat keputusan, kesannya buruk kepada ekonomi dan rakyat,” katanya ketika berucap pada Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2016 bagi Perbendaharaan Malaysia di Kementerian Kewangan, di sini semalam.

Yang turut hadir Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Othman

Aziz dan Datuk Lee Chee Leong serta Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah.

Perdana Menteri berkata, pada tahun ini kerajaan akan berusaha meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi di antara 4.3 dan 4.8 peratus, meneruskan langkah konsolidasi fiskal dan memastikan hutang negara sentiasa berada di bawah paras 55 peratus.

## Prestasi menggalakkan

“Walaupun berdepan banyak ketidaktentuan faktor luaran, Alhamdulillah, kita berjaya mencatat prestasi ekonomi yang menggalakkan.

“Sedikit demi sedikit, kita menjerus kepada bajet berimbang dan insya-Allah, kita akan dapat men-

capai matlamat,” katanya.

Perdana Menteri juga turut berkongsi rahsia kejayaan Pengasas Alibaba, Jack Ma, yang dimaklumkan usahawan internet itu sendiri kepada beliau iaitu sentiasa mahukan hasil yang besar serta kecekapan yang tinggi dan meminta kakitangan kementerian mencontohi sikap berkenaan.

Sementara itu, Mohd Irwan meminta penjawat awam memberikan maklumat tepat mengenai ekonomi negara supaya rakyat dapat merasai keadaan ekonomi yang selamat dan negara akan terus maju.

“Jika kita lihat, ringgit semakin kukuh pagi ini, harga minyak naik melebihi AS\$50 (RM217) satu tong dan Bursa Malaysia juga semakin meningkat,” katanya.